

Headline	<b>Kampung Kuantan hilang dari peta dunia - Nagarajah</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>09. May 2009</b>	Page No	<b>12</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>	Article Size	<b>477 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Dlm Negeri</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>238082</b>	Color	<b>Black/White</b>
Readership	<b>833287</b>	AdValue	



## Kampung Kuantan hilang dari peta dunia – Nagarajah

KUALA SELANGOR 8 Mei – Kerosotan serangan kelip-kelip dan pererokaan tanah mengurangkan daya tarikan estetika pemandangan ke-lip-kelip Kuala Selangor sehingga mampu melenyapkan nama daerah ini dari peta dunia.

Malah, imej negara di kalangan saintis dari seluruh dunia yang bakal menghadiri Simposium Kelip-Kelip Antarabangsa 2010 juga bakal terjejas

sekiranya masalah itu tidak diatasi segera.

Pegawai Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), R. Nagarajah berkata, MNS telah bekerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Perhutanan Malaysia (FRIM) mengajukan simposium yang bakal membawa puluhan saintis ekologi ke Kampung Kuantan.

Tambahnya, tujuan simposium itu bagi mendedahkan kepada dunia mengenai cara negara memelihara kitar hidup jutaan kelip-kelip sehingga menjadikan sepanjang persisiran Sungai Selangor sebagai tarikan ekope-

lancongan penting.

“Malaysia adalah negara pertama yang berjaya dalam usaha pemuliharaan alam kelip-kelip dan pakar ekologi negara luar mahu mencontohi kemajuan kita dalam bidang tersebut.

“Oleh itu, kemerosotan jumlah kelip-kelip dan isu penerokaan tanah di kawasan pemuliharaan serangga itu hanya memberi imej buruk yang mungkin saintis luar mungkin menganggap Malaysia hanya bijak berkata-kata atau ‘cakap tidak serupa bikin’,” ujar Nagarajah.

Beliau yang juga Pengurus Taman Alam Kuala Selangor (KSNP) berkata, setiap tahun Kuala Selangor

menerima puluhan ribu pelancong yang mahu menikmati pemandangan kelip-kelip Kampung Kuantan selain kekayaan burung di KSNP.

Namun, ujar Nagarajah, kawasan terbuka yang tercipta akibat penerokaan tanah secara besar-besaran hingga ke tebing sungai itu menyebabkan Sungai Selangor kehilangan tarikan estetika alam semulajadi.

“Apabila kelip-kelip tidak semeriah yang diuar-uarkan kepada dunia sebagai produk pelancongan unik negara, tidak mustahil pelancong bertanggapan kelip-kelip negara telah pupus,” kata Nagarajah.

Jelas beliau, pelancong dari negara luar mungkin berkongsi kchampaan mereka kepada kenalan bahkan mungkin seluruh dunia melalui Internet yang sudah pasti menjelaskan imej negara.